



Ruj. Kami : HKL/TAD/98/1/9 Jld. 36 (89)  
Tarikh : 11 September 2025

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

### PEMAKLUMAN PENGILIRAN SEMULA JABATAN PENGANJUR MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN HOSPITAL KUALA LUMPUR (HKL) BAGI BULAN OKTOBER 2025 HINGGA DISEMBER 2025

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat rujukan HKL/OTO/98/100/29(1) bertarikh 04 September 2025 dan surat rujukan HKL/CPA/98/214/1 Jld. 5 bertarikh 09 September 2025 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak Pengurusan HKL mengambil maklum permohonan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung penganjuran Majlis Perhimpunan Bulanan bagi tahun 2025. Penganjuran majlis tersebut juga perlu dilaksanakan pada setiap bulan mengikut giliran yang melibatkan jabatan-jabatan di HKL.

3. Sehubungan itu, pihak Pengurusan HKL telah meneliti dan memutuskan pelaksanaan penganjuran Majlis Perhimpunan Bulanan HKL bagi bulan Oktober 2025 hingga Disember 2025 adalah seperti berikut:-

| Bil. | Tarikh                       | Hari                                    | Tempat                 | Jabatan                                                                                                                                                                                |
|------|------------------------------|-----------------------------------------|------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | 16 Oktober 2025<br>(Raptai)  | Khamis<br>8.00 pagi – 5.00 petang       | Auditorium Dermatologi | Jabatan Pemulihan Carakerja                                                                                                                                                            |
| 2.   | 17 Oktober 2025<br>(Majlis)  | Jumaat<br>8.00 pagi – 5.00 petang       |                        |                                                                                                                                                                                        |
| 3.   | 19 November 2025<br>(Raptai) | Rabu<br>8.00 pagi – 12.00 tengah hari   | Auditorium HTA         | <b>(Gabungan Direktorat Pengurusan)</b><br>1. Cawangan Perolehan dan Aset<br>2. Cawangan Pembangunan dan Penswastaan<br>3. Unit Psikologi Kaunseling<br>4. Unit Perpustakaan Perubatan |
| 4.   | 20 November 2025<br>(Majlis) | Khamis<br>8.00 pagi – 12.00 tengah hari |                        |                                                                                                                                                                                        |
| 5.   | 18 Disember 2025<br>(Raptai) | Khamis<br>8.00 pagi – 12.00 tengah hari | Auditorium HTA         | Jabatan Ortopedik                                                                                                                                                                      |
| 6.   | 19 Disember 2025<br>(Majlis) | Jumaat<br>8.00 pagi – 12.00 tengah hari |                        |                                                                                                                                                                                        |


Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan bagi menjayakan penganjuran Majlis Perhimpunan Bulanan HKL ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



~~(KAMALAZIRA BIN FAUZI)~~

Timbalan Pengarah (Pengurusan,  
Hospital Kuala Lumpur

**SENARAI EDARAN**

1. Pengarah HKL
2. Pengarah HTA
3. Timbalan Pengarah Perubatan I
4. Timbalan Pengarah Perubatan II
5. Timbalan Pengarah Perubatan III
6. Ketua Jabatan Pemulihan Carakerja
  - **Kerjasama dipohon untuk membuat persediaan majlis bagi bulan Oktober 2025**
7. Ketua Cawangan Perolehan dan Aset, Cawangan Pembangunan dan Penswastaaan, Unit Psikologi Kaunseling dan Unit Perpustakaan Perubatan
  - **Kerjasama dipohon untuk membuat persediaan majlis bagi bulan November 2025**
8. Ketua Jabatan Ortopedik
  - **Kerjasama dipohon untuk membuat persediaan majlis bagi bulan Disember 2025**
9. Ketua Cawangan Keselamatan
  - **Kerjasama dipohon untuk membuat persediaan majlis bagi bulan Januari 2026**
10. Ketua Cawangan Pentadbiran, HTA
  - **Kerjasama dipohon untuk penggunaan fasiliti Auditorium, HTA bagi bulan November 2025 dan Disember 2025**



*Rujukan Kami* : HKL/OTO/98/100/29(1)  
*Tarikh* : 2 SEPTEMBER 2025

Dato' Dr. Harikrishna A/L K. Ragavan Nair,  
Pengarah,  
Hospital Kuala Lumpur.

YBhg. Dato',

**MEMOHON PENANGGUHAN MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN YANG DIHOSKAN OLEH  
JABATAN ORTOPEDIK**

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Dato', Jabatan Ortopedik telah diamanahkan untuk menjadi hos Perhimpunan Bulanan pada penghujung bulan Disember 2025. Walau bagaimanapun, pihak jabatan difahamkan Auditorium Utama akan ditutup daripada bulan Oktober sehingga Disember 2025 bagi tujuan kerja-kerja naik taraf. Pihak jabatan telah dihubungi oleh Cawangan Tadbiran selaku penyelarass program Perhimpunan Bulanan untuk menjadi hos perhimpunan Bulanan pada bulan November iaitu pada 28/11/2025 (diawalkan sebulan daripada bulan Disember 2025) di Auditorium Dermatologi. Disebabkan oleh kerja-kerja naik taraf di Auditorium Utama dilakukan dalam tempoh 3 bulan tersebut, pihak jabatan memohon agar tarikh untuk perhimpunan bulanan tersebut dianjakkan kepada bulan Mac 2026 di atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

3. Justeru itu, pihak jabatan memohon agar penangguhan majlis tersebut berdasarkan kepada ketetapan berikut;

- a) Pihak bercadang untuk mempamerkan di ruang-ruang pameran mengikut subkepakaran sedia di jabatan dan oleh itu ruang-ruang tersebut perlukan ruangan yang besar untuk menampung peralatan-peralatan yang bersangkutan dengan subkepakaran tersebut. Pihak jabatan dijangka akan mengadakan sekurang-kurang 10 ruang pameran untuk tujuan tersebut.
- b) Ruangan di ruang legar Auditorium Dermatologi tidak sesuai dan strategik untuk pameran tersebut.
- c) Sebagai antara jabatan terbesar di Hospital Kuala Lumpur, pihak jabatan memohon jasa baik pihak YBhg. Dato' agar dapat memberi peluang kepada Jabatan Ortopedik untuk mengadakan perhimpunan bulanan di Auditorium Utama selepas kerja-kerja naiktaraf dijalankan.

4. Diharapkan perkara di atas mendapat perhatian dan pertimbangan sewajarnya daripada pihak YBhg. Dato'. Keprihatinan dan kerjasama pihak YBhg. Dato' di dalam hal ini diucapkan berbanyak terima kasih.

Sekian,

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



Saya yang menjalankan amanah,

(DR SITI HAWA/BINTI TAHIR)

Ketua Jabatan & Pakar Perunding Kanan Ortopedik,  
Jabatan Ortopedik & Traumatologi,  
Hospital Kuala Lumpur.

Sk 1. Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Tadbiran, HKL  
2. Fail

| CAWANGAN PERTADBIRAN, HKL                        |                                                 |
|--------------------------------------------------|-------------------------------------------------|
| <input type="checkbox"/> Serta Merta             | <input type="checkbox"/> Segera                 |
| <input type="checkbox"/> PPTT                    | <input checked="" type="checkbox"/> Sekretariat |
| <input type="checkbox"/> Tadbiran Am             | <input type="checkbox"/> Stor Borang            |
| <input type="checkbox"/> Meliputi: Laporan       | <input type="checkbox"/> Surat Cetak            |
| <input type="checkbox"/> Uniforma dan Komunikasi | <input type="checkbox"/> Pejabat Tulis          |
| <input type="checkbox"/> Kuarters / Bilik        | <input type="checkbox"/> Bilik Urusan           |
| <input type="checkbox"/> Premis D. ....          | <input type="checkbox"/> Bilik Evaluasi Agensi  |
| <input type="checkbox"/> Hadir & Lapor           | <input type="checkbox"/> Pendidikan             |
| <input type="checkbox"/> Bincang                 | <input type="checkbox"/> Lain-lain              |
| <input type="checkbox"/> Tindakan                | <input type="checkbox"/> Fail                   |
| Arahan / Ulasan: <i>Amran</i>                    |                                                 |
| Tarikh: <i>9/9/25</i>                            |                                                 |



CAWANGAN PEROLEHAN DAN ASET  
HOSPITAL KUALA LUMPUR  
JALAN PAHANG  
50586 KUALA LUMPUR

TEL : 03-261557164  
Email : cpa.hkl@moh.gov.my

09 SEP 2025

Ruj. Kami: HKL/CPA/98/214/1 Jld. 5  
Tarikh : 9 September 2025

Timbalan Pengarah (Pengurusan)  
Hospital Kuala Lumpur

Tuan,

**PEMAKLUMAN PENOLAKAN PELAKSANAAN PERHIMPUNAN BULANAN BAGI BULAN  
DISEMBER 2025**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman tuan, setelah meneliti dan menimbang keperluan semasa, Cawangan ini **TIDAK DAPAT** menganjurkan perhimpunan bulanan pada bulan Disember 2025 atas sebab-sebab berikut:

- i. Keutamaan kerja rasmi kerana melibatkan jabatan-jabatan HKL dimana Cawangan ini memfokuskan kepada penutupan akaun akhir tahun mulai Oktober hingga Disember 2025;
- ii. Mengikut perancangan, setiap tahun mulai Januari hingga Mac 2026 Kementerian Kesihatan Malaysia akan menyalurkan peruntukan/bajet melalui Cawangan Perolehan dan Aset bagi tujuan agihan perbelanjaan kepada PTJ1 dan PTJ2 di HKL; dan
- iii. Kekangan sumber tenaga kerja dan masa disebabkan bilangan pegawai dan kakitangan kami yang terhad. Cawangan ini hanya mempunyai seramai 38 orang kakitangan menyebabkan tumpuan perlu diberikan sepenuhnya kepada tugas hakiki serta operasi harian jabatan.

3. Justeru itu, Cawangan ini memohon pertimbangan dan kelulusan yang sewajarnya dari pihak tuan.

Sekian terima kasih

“ MALAYSIA MADANI ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,

(TAN CHEE KEONG)  
Cawangan Perolehan dan Aset  
b.p. Pengarah  
Hospital Kuala Lumpur

s.k: Ketua Penolong Pengarah  
Cawangan Pentadbiran

| CAWANGAN PENTADBIRAN, HKL                       |                                                 |
|-------------------------------------------------|-------------------------------------------------|
| <input type="checkbox"/> Serta Merta            | <input type="checkbox"/> Segera                 |
| <input type="checkbox"/> PPTT                   | <input checked="" type="checkbox"/> Sekretariat |
| <input type="checkbox"/> Tadbiran Am            | <input type="checkbox"/> Stor Borang            |
| <input type="checkbox"/> Mel/ Surat-Menyurat    | <input type="checkbox"/> Stor Cetak             |
| <input type="checkbox"/> Uniform/Telekomunikasi | <input type="checkbox"/> Stor Alat Tulis        |
| <input type="checkbox"/> Kuarters/Asrama        | <input type="checkbox"/> Kenderaan              |
| <input type="checkbox"/> Premis Dermis          | <input type="checkbox"/> Hal Ehwal Agama        |
| <input type="checkbox"/> Hadir & Lapor          | <input type="checkbox"/> Pendaftaran            |
| <input type="checkbox"/> Bincang                | <input type="checkbox"/> Bilik                  |
| <input type="checkbox"/> Tindakan               | <input type="checkbox"/> Bilik                  |
| Arahan / Ulasan: CPA, CPP, Library, YPA         |                                                 |
| Tarikh: 14/9/25                                 |                                                 |